

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 2 TAHUN 1992**

---

**GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN PINDAAN SEKSYEN 3(b)**  
**AKTA PENGAMBILAN TANAH NO. 34/1960**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dipinda yang melibatkan Sek 3(b) dan telah pun diwartakan sebagaimana Akta A804 bertarikh 12.9.91 dan, mula berkuatkuasa pada tarikh yang sama (12.9.91).

2. Pentadbir Tanah Jajahan adalah diminta supaya mengambil perhatian di atas perlaksanaan pindaan tersebut dan bersama ini diedarkan salinan “Garis Panduan Bagi Melaksanakan Pindaan Seksyen 3(b)” untuk panduan seperti di **Lampiran ‘A’**.

t.t

**(Haji Ashaari Azmi bin Haji Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan  
Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Cawangan Negeri Kelantan
7. Y.A.Brs. Tuan Pengarah Ukur Negeri Kelantan
8. Y.A.Brs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah, Kelantan
9. Y.Brs. Setiausaha ,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KOTA BHARU  
KELANTAN**

**FAIL : P.T.G.KN. 183/(23)**

**BERTARIKH : 5 Mac 1992**

## **LAMPIRAN A**

### **GARIS PANDUAN BAGI PERLAKSANAAN PINDAAN SEKSYEN 3(b) AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**

#### **1. TUJUAN:**

1.1 Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memudahkan pihak pentadbiran tanah negeri dan daerah melaksanakan urusan pengambilan tanah di bawah seksyen 3(b) akta pengambilan tanah 1960.

#### **2. SEKSYEN 3(b) AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960:**

2.1 Seksyen 3(b) akta pengambilan tanah 1960 yang akan dipinda memperuntukkan seperti berikut:

Seksyen 3 the state authority may acquire any land which is needed-

(a) .....

(b) by any person or corporation for any purpose which the opinion of the State Authority is beneficial to the economic development of Malaysia or any part thereof or to the public generally or any class of the public; or

(c).....

#### **3. PANDUAN BAGI PERLAKSANAAN PINDAAN:**

3.1 ‘any person’ dimaksudkan sebagai:

3.1.1 orang sebenar

- (i) warganegara Malaysia,
- (ii) tidak kurang dari 18 tahun,
- (iii) bukan seorang yang telah dihukum menjadi bangkrup,

- (iv) bukan seorang yang disabit di atas kesalahan dan dihukum penjara selama setahun atau lebih dalam tempoh lima tahun sebelum permohonan dibuat.
- (v) Mempunyai kemampuan kewangan
- (vi) Mempunyai rekod baik dan cemerlang dalam perniagaan.

3.2 ‘corporation’ dimaksudkan sebagai:

3.2.1 Syarikat-syarikat /perbadanan-perbadanan

- (i) 1965
- (ii) Syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan di bawah mana-mana akta parliment.
- (iii) Syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan di bawah mana-mana enakmen negeri.

3.2.2 Badan-badan

- (i) Perbadanan-perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran
- (ii) Koperasi-koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1948.
- (iii) Pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan di bawah akta Pertubuhan 1966.

Kesemuanya Syarikat/Perbadanan/badan-badan di atas perlu:-

- (a) Mempunyai modal yang teguh
- (b) Mempunyai rekod perniagaan yang cemerlang khasnya dalam aktiviti dan projek yang dicadangkan atau,
- (c) Dimilik atau dikawal oleh orang-orang yang mempunyai rekod perniagaan yang cemerlang.
- (d) Warganegara menguasai ‘equity’ melebihi 51 peratus sekiranya modal dipegang juga oleh warganegara asing sejajar dasar kerajaan.

(e) “any purpose ..... beneficial to the economic development” bermaksud sebagai:

“memberi faedah secara langsung kepada pembangunan mengikut dasar ekonomi negara”.

### **3.3 Tatacara Memproses Pengambilan Balik Tanah di bawah seksyen 3(b)**

3.4.1 permohonan hendaklah dibuat di dalam borang yang ditetapkan kepada pihak pentadbiran tanah daerah seperti di lampiran 1.

3.4.2 pentadbiran tanah daerah hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada unit perancang ekonominegeri (UPEN) bahagian kemajuan wilayah persekutuan(BKWP) jabatan perdana menteri(bagi projek di wilayah persekutuan) untuk diproses.

3.4.3 UPEN/BKWP akan meneliti projek-projek yang akan dilaksanakan dari segi:-

- (i) kelayakan pemohon untuk pengambilan tanah
- (ii) kesesuaian projek
- (iii) faedah daripada projek secara langsung dan tidak langsung mengikut seksyen 3(b) yang telah dipinda
- (iv) criteria-kriteria lain sebagai menyokong permohonan untuk pengambilan tanah.

3.4.4 Setelah dikaji dengan teliti pihak UPEN/BWKP akan membawa permohonan tersebut ke jawatankuasa tetap tanah dan galian negeri/jawatankuasa khas pengambilan tanah wilayah persekutuan yang akan dibentuk bagi pengambilan tanah untuk projek-projek di wilayah persekutuan untuk penilaian sebelum tindakan pengambilan tanah diteruskan.

3.4.5 Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Wilayah Persekutuan akan terdiri daripada:-

- |       |  |   |           |
|-------|--|---|-----------|
| (i)   | Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Kemajuan Wilayah<br>Persekutuan,<br>Jabatan Perdana Menteri. | - | Pengerusi |
| (ii)  | Pengarah Tanah dan Galian<br>Wilayah Persekutuan,  |   |           |
| (iii) | Datuk Bandar Kuala Lumpur/Wakil,   |   |           |
| (iv)  | Ketua Pengarah Tanah dan<br>Galian Persekutuan/Wakil.  |   |           |

3.4.6 Jawatankuasa tetap Tanah dan Galian Negeri. Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Wilayah Persekutuan akan mempertimbangkan kesuaian meluluskan permohonan pengambilan tanah itu. Sekiranya pengambilan tanah diperakukan, jawatankuasa-jawatankuasa di atas boleh memberi cadangan untuk mengenakan syarat nyata iaitu jenis-jenis penggunaan tanah dan sekatan-sekatan kepentingan bagi hakmilik yang dikeluarkan. Tempoh-tempoh yang sesuai boleh ditetapkan kepada pemohon untuk membangunkan tanah yang diambil balik. Perakuan daripada jawatankuasa-jawatankuasa di atas akan dibawa oleh Pentadbir Tanah Daerah (PTD) /Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri/jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan kuala Lumpur (JKTWP) untuk keputusan pengambilan tanah berkenaan.

3.4.7 Keputusan MMK/JKTWP berserta dengan syarat -syarat yang ditetapkan akan dimaklumkan kepada pemohon dan jika dipersetujui oleh pemohon, proses pangambilan tanah boleh diteruskan.

3.4.8 Permohonan pengambilan tanah oleh perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan di bawah mana-mana Akta Parlimen atau Enakmen Negeri tidak akan terikat dengan proses-proses di dalam garis panduan ini.

3.4.9 Permohonan pengambilan tanah daripada orang-orang perseorangan atau badan ataupun syarikat untuk tujuan kemudahan awam (public utility) juga tidak terikat dengan proses-proses di dalam garis panduan ini.

**LAMPIRAN 1**

**APPLICATION FORM**

**Land Acquisition Act 1960**

**Section 3(b)**

**‘Notice of Intent’**

“I ..... of.....

notify that lands described in the schedule hereto, including those land, if any, specified by lot number or by the lot numbers of the neighboring lands, are likely to be needed for the following purpose.....

**SCHEDULE**

District.....

Mukim.....

Township

Description of the locality.....

<b>Survey Lot No</b>	<b>Title or Occupation</b>	<b>Registered Proprietor or recorded occupant</b>	<b>Area of lot</b>	<b>Approximate area to be acquired</b>

2. The following document are hereby attached:

- Appendix A - Project proposal
- Appendix B - Layout plans
- Appendix C - Government Valuation report
- Appendix D - Undertaking to pay in the form of a bank guarantee amounting to 25% of the amount of the award by the collector under section 29A of the land Acquisition act 1960 if there is any reference to the court.
- Appendix E - .....
- Etc.etc.

3. It is hereby agreed that in the event of any withdrawal made subsequent to the approval of the state Authority on the said acquisition a sum of not less than 10% based on the government valuation reports submitted upon shall be forfeited to the State Authority.

4. It is further that the State Authority shall be fully indemnified against all proceedings taken up against by the proprietor or any person or corporation in respect of the land acquired.

Dated this.....day or.....,19.....

.....  
Applicant